

PENSYARAH, PELAJAR SAMA-SAMA GENIUS APA PENDAPAT ANDA?

"Biasanya saya akan cuba jawab dengan semua pengetahuan yang ada dan sekiranya tiada jawapan pasti, saya akan minta pelajar terbabit mencari jawapannya dan berkongsi di dalam kelas dan pada masa sama, saya juga akan mencari jawapannya."

Nurul Hanim Mohd Amin, Pensyarah & Pengarah Pusat Sukan Unisel




"Sebagai pelajar statistik, biasanya soalan lebih kepada pelaksanaan pengiraan sesuatu konsep di dalam matematik ataupun 'term' baru yang digunakan dan dipelajari di dalam kelas pada hari itu. *Quite challenging but it satisfied.*"

Nur Su'aidah Samsudin, Bachelo Sains (Kepujian) Major Statistik, UPM

Bukan sesuatu yang mustahil apabila pelajar mengajukan soalan-soalan rumit dan memerlukan pensyarah memberikan jawapan meyakinkan. Ini kerana tahap pembelajaran masa kini sangat kompleks dan memerlukan seseorang itu berpengetahuan tinggi atau genius dalam banyak perkara, apatah lagi dengan sumber maklumat yang boleh didapati dari pelbagai media dan maya.

"Bila pensyarah dan student sama-sama genius, maka makin menjadi-jadilah pertukaran idea. Apa yang dibincangkan atau dihasilkan bersama akan berlipat ganda baik. Pensyarah genius akan support student genius itu untuk pergi lebih jauh lagi, dan pelajar genius akan korek lebih banyak *wisdom* dari pensyarah."

Dr Nur Azah Hamzaid, Pensyarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan Biomedical, UM



"Biasanya, bila pensyarah tak dapat berikan jawapan yang lengkap dan memuaskan terhadap soalan dikemukakan, mereka akan suruh saya *google* untuk mendapatkan jawapan selanjutnya."

Mohammad Azreil Adha Mat Rahim, Fakulti Kejuruteraan Kimia, UITM Shah Alam

"Sebagai pensyarah, tidak perlu berasa malu dalam situasi sedemikian kerana dalam proses pengajaran alaf baharu, interaksi dua hala yang bernas perlu diraikan. Untuk soalan di luar keupayaan menjawab, berikan jaminan jawapan akan diberi selepas buat rujukan lanjut atau berbincang dengan mereka yang lebih pakar."

Mohd Nazri Ibrahim, Pensyarah Pengurusan Komunikasi & Polisi, UITM Shah Alam



"Biasanya, untuk soalan melibatkan isu agama dan akidah dan memerlukan dalil-dalil kukuh, pensyarah akan ambil masa untuk berfikir sebelum menjawab soalan. Sikap ini penting kerana setiap jawapan yang diberikan pensyarah akan memberi kesan kepada pelajar."

Maizatul Atikah Din, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Usim

"Selalunya saya lebih selesa tanya soalan-soalan sebegitu secara peribadi. Kadang-kadang jawapan diberikan tidak tepat mungkin disebabkan salah faham. *Either* pensyarah gagal memahami soalan, atau saya yang gagal menyatakan soalan disebabkan *language barrier.*"

Nur Alya Atiqah Mazlan, Jurusan Medik (MD), USM



"Biasanya kalau tanya, pensyarah tak adalah ambil masa lama untuk jawab atau beri *feedback* kerana pensyarah lebih arif mengenai topik tersebut. Suasana kuliah lebih happening dan *the excitement was there* bila soalan *tricky* disoal kepada pensyarah tersebut."

Sandra Claire Jomiri, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UITM Shah Alam

"Biasanya, pensyarah akan ajak berbincang berbincang bersama pelajar sama ada melalui buku-buku rujukannya dan sumber yang boleh dipercayai dari laman web."

Nur Qistina Afiqah Shahari, Jurusan Bahasa Arab dan Komunikasi, Usim

